

Loji Lynas: PAS mahu Putrajaya adakan referendum rakyat
The Malaysian Insider
29 Ogos, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 29 Ogos — PAS mahu Putrajaya mengadakan satu referendum bagi mendapatkan pandangan rakyat jelata mengenai operasi loji pemprosesan nadir bumi Lynas di Gebeng sebelum ia beroperasi, dijangka mulai bulan depan.

Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata meskipun laporan badan penilai antarabangsa sebelum ini pernah memberi 'lampu hijau' tentang aspek keselamatan loji itu, tetapi wujud pandangan berbeza-bahagi dengan ada yang menyokong dan ada yang membantahnya.

"Jadi, bagi menyelesaikan kemelut ini, saya meminta agar kerajaan mengadakan satu referendum di kalangan rakyat melibatkan kawasan sekitar 70 kilometer.

"Jika rakyat bersetuju teruskan, dan jika tidak bersetuju batalkan operasi loji yang hendak dimulakan dalam waktu terdekat ini, saya difahamkan September ini" kata beliau kepada The Malaysian Insider.

Kata beliau, meskipun ada laporan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang diumumkan awal Julai lalu tetapi wujud pandangan berbeza - ada rakyat tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan terus melahirkan kebimbangan mengenai aspek keselamatan loji tersebut dalam jangka panjang.

"Bagi memastikan syarikat Lynas rasa selesa dan rakyat diberi peluang memberikan pandangan, kita mencadangkan agar diadakan satu referendum... jika majoriti rakyat mengatakan mereka terima loji itu, maka kerajaan boleh membenarkan operasi loji tersebut," kata beliau lagi.

"Tiada guna jika rakyat terus mengadakan tunjuk perasaan dan bantahan jika loji ini diteruskan. Lebih baik ia diselesaikan sekarang menerusi satu referendum," kata Tuan Ibrahim yang juga Pesuruhjaya PAS Pahang.

Kata beliau, kerajaan perlu mengambil kira pandangan orang ramai kerana memang dilaporkan bahawa loji itu selamat buat masa sekarang tetapi "kita tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ia mula beroperasi."

"Semua loji nuklear dan loji nadir bumi memang dikatakan selamat di peringkat awal termasuk di Jepun, tetapi apa yang terjadi selepas sesuatu yang bukan di luar kawalan terjadi kelak?" katanya.

Dalam laporannya diumumkan awal Julai lalu, IAEA mendapati projek Lynas untuk mengekstrak nadir bumi yang akan beroperasi di Gebeng, Pahang, mematuhi piawaian keselamatan radiasi antarabangsa.

Laporan setebal 55 muka surat yang dibuat panel bebas sembilan pakar dalam bidang keselamatan dan kesihatan radiologi itu turut mengesahkan dua badan kawal selia iaitu Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah memastikan semua aspek projek berkenaan mematuhi piawaian keselamatan

antarabangsa.

Bahkan, dalam sesetengah kes, peraturan di negara ini bukan saja lengkap dan mematuhi piawaian IAEA, malah lebih ketat berbanding piawaian keselamatan diterima di peringkat antarabangsa.

Ia turut mengenal pasti 11 cadangan memperbaiki pengurusan kawal selia oleh AELB dan agensi lain yang perlu dilaksanakan sebelum projek Lynas boleh beroperasi untuk peringkat seterusnya.

Kandungan laporan IAEA antaranya menjelaskan Lynas perlu mengemukakan rancangan pengurusan sisa jangka panjang yang lengkap kepada kerajaan dan mematuhinya sebelum boleh memulakan operasi.

PAS, komponen Pakatan Rakyat, melahirkan pandangan ini ketika kontroversi terbaru ekoran pendirian Ahli Parlimen Hulu Langat dari parti itu, Dr Che Rosli Che Mat dilaporkan menyokong pembinaan loji pemprosesan nadir bumi Lynas.

Beliau yang didakwa membuat pendirian bercanggah dengan parti dijangka dipanggil untuk membuat penjelasan mengenai pendiriannya selepas cuti sambutan Aidilfitri.

Akhir minggu lalu, pemimpin Pakatan Rakyat Pahang membidas TV3 ekoran pengakuan Che Rosli yang menyokong pembinaan loji pemprosesan nadir bumi Lynas.

Naib Presiden PKR Fuziah Salleh, yang mendesak agar loji bernilai RM700 juta itu dihentikan, mahu TV3 menarik balik dan meminta maaf termasuk Ketua MCA Kuantan, Datuk Ti Lian Ker yang telah mengeluarkan kenyataan fitnah terhadap dirinya.

PAS Pahang juga meminta kepimpinan pusat agar memanggil Che Rosli untuk memberikan penjelasan berhubung perkara itu.

Kata beliau, meskipun ada laporan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang diumumkan awal Julai lalu tetapi wujud pandangan berbeza - ada rakyat tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan terus melahirkan kebimbangan mengenai aspek keselamatan loji tersebut dalam jangka panjang.

"Bagi memastikan syarikat Lynas rasa selesa dan rakyat diberi peluang memberikan pandangan, kita mencadangkan agar diadakan satu referendum... jika majoriti rakyat mengatakan mereka terima loji itu, maka kerajaan boleh membenarkan operasi loji tersebut," kata beliau lagi.

"Tiada guna jika rakyat terus mengadakan tunjuk perasaan dan bantahan jika loji ini diteruskan. Lebih baik ia diselesaikan sekarang menerusi satu referendum," kata Tuan Ibrahim yang juga Pesuruhjaya PAS Pahang.

Kata beliau, kerajaan perlu mengambil kira pandangan orang ramai kerana memang dilaporkan bahawa loji itu selamat buat masa sekarang tetapi "kita tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ia mula beroperasi."

"Semua loji nuklear dan loji nadir bumi memang dikatakan selamat di peringkat awal termasuk di Jepun, tetapi apa yang terjadi selepas sesuatu yang bukan di luar kawalan terjadi kelak?" katanya.

Dalam laporannya diumumkan awal Julai lalu, IAEA mendapati projek Lynas untuk mengekstrak nadi bumi yang akan beroperasi di Gebeng, Pahang, mematuhi piawaian keselamatan radiasi antarabangsa.

Laporan setebal 55 muka surat yang dibuat panel bebas sembilan pakar dalam bidang keselamatan dan kesihatan radiologi itu turut mengesahkan dua badan kawal selia iaitu Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah memastikan semua aspek projek berkenaan mematuhi piawaian keselamatan antarabangsa.

Bahkan, dalam sesetengah kes, peraturan di negara ini bukan saja lengkap dan mematuhi piawaian IAEA, malah lebih ketat berbanding piawaian keselamatan diterima di peringkat antarabangsa.

Ia turut mengenal pasti 11 cadangan memperbaiki pengurusan kawal selia oleh AELB dan agensi lain yang perlu dilaksanakan sebelum projek Lynas boleh beroperasi untuk peringkat seterusnya.

Kandungan laporan IAEA antaranya menjelaskan Lynas perlu mengemukakan rancangan pengurusan sisa jangka panjang yang lengkap kepada kerajaan dan mematuhinya sebelum boleh memulakan operasi.

PAS, komponen Pakatan Rakyat, melahirkan pandangan ini ketika kontroversi terbaru ekoran pendirian Ahli Parlimen Hulu Langat dari parti itu, Dr Che Rosli Che Mat dilaporkan menyokong pembinaan loji pemrosesan nadi bumi Lynas.

Beliau yang didakwa membuat pendirian bercanggah dengan parti dijangka dipanggil untuk membuat penjelasan mengenai pendiriannya selepas cuti sambutan Aidilfitri.

Akhir minggu lalu, pemimpin Pakatan Rakyat Pahang membidas TV3 ekoran pengakuan Che Rosli yang menyokong pembinaan loji pemrosesan nadi bumi Lynas.

Naib Presiden PKR Fuziah Salleh, yang mendesak agar loji bernilai RM700 juta itu dihentikan, mahu TV3 menarik balik dan meminta maaf termasuk Ketua MCA Kuantan, Datuk Ti Lian Ker yang telah mengeluarkan kenyataan fitnah terhadap dirinya.

PAS Pahang juga meminta kepimpinan pusat agar memanggil Che Rosli untuk memberikan penjelasan berhubung perkara itu.

Sementara itu, menerusi kenyataan dikeluarkan hari ini, Tuan Ibrhaim berkata, selain Che Rosli, golongan yang menyokong projek Lynas ini terdiri daripada beberapa pakar tempatan dan luar negara termasuk pemantau antarabangsa dan juga kerajaan negeri.

"Disebabkan pihak yang menyokong pembinaan kilang ini adalah kerajaan sendiri, maka ia juga menarik sama ahli-ahli Umno dan komponen parti Barisan Nasional yang lain untuk turut menyokong projek ini.

Kumpulan yang menyokong telah menggunakan kekuatan media perdana, dialog terus dengan penduduk dan NGO serta pelbagai promosi bagi meyakinkan penduduk ia adalah projek yang selamat dan tidak perlu dibimbangi," kata beliau.

Dalam golongan yang menentang pula, katanya, ia terdiri dari beberapa orang pakar alam sekitar, pakar kesihatan awam, pencinta alam yang disokong oleh beberapa NGO seperti

Badar dan "Save Malaysia! Stop Lynas!" dan pemimpin parti pembangkang yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS.

"Ketika ini, pihak yang menentang habis-habisan menganggap projek Lynas ini adalah satu 'bom jangka' bagi penduduk sekitar tapak kilang Lynas yang bertapak di Gebeng.

"Kebimbangan tersebut pula dianggap oleh para pakar dan golongan yang menyokong kilang ini hanyalah ketakutan kepada bayang-bayang semata-mata," kata beliau sambil menambah bahawa penelitian umum mendapati sesetengah golongan masyarakat masih tidak dapat informasi secukupnya daripada kedua-dua belah pihak.

"Kekangan media perdana untuk memberikan liputan yang adil dan sikap media berbahasa Melayu yang terlalu 'membela' kerajaan dalam laporan mereka telah menyebabkan sensitiviti orang Melayu rendah dalam isu sebegini dan kerana itu, menerima projek ini sebagai selamat.

"PAS melihat jalan keluar kepada masalah ini dengan mengadakan referendum awam. Oleh kerana isu ini mempunyai impak besar kepada penduduk Kuantan dan sekitarnya, maka kerajaan dan Lynas dinasihatkan tidak boleh memandang mudah bantahan dari rakyat," kata Tuan Ibrahim.

Tambah beliau, kerana apa jua keputusan yang ingin dilakukan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan projek ini mempunyai kesan langsung kepada penduduk dan syarikat berkenaan.

"Andainya Lynas dan kerajaan mengambil sikap memekakkan telinga dengan bantahan rakyat, kita yakin bantahan ini akan berterusan dan tidak mustahil golongan yang membantah akan membuat injuksi mahkamah.

"Melalui referendum awam, ia boleh dijadikan landasan utama kepada kerajaan bagi meneruskan atau membatalkan projek ini. Ditambah pula, dengan cara ini, apa-apa keputusan yang diambil boleh kelihatan lebih adil kepada semua pihak," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/loji-lynas-pas-mahu-putrajaya-adakan-referendum-rakyat/>